

**PEMBANGUNAN PELAJAR DAN JARINGAN KOMUNITI (HEP)**

**No Tel : 03-55223521 (SA) 03-32805090 (BJ)**

KEPADA : Siswa/Siswi  
Universiti Selangor (UNISEL)  
DARIPADA : Unit Bantuan Kewangan (HEP)  
TARIKH : 16 Julai 2018



**SUMBANGAN PENDIDIKAN ZAKAT ANAK SELANGOR (SPZAS)**

Sumbangan Pendidikan Zakat Anak Selangor (SPZAS) merupakan inisiatif terbaru Lembaga Zakat Selangor bertujuan meringankan beban kos pengajian pelajar yang menuntut di institut pengajian tinggi (IPT) dalam negara.

Sumbangan seperti ini pernah dibuka dengan nama Bantuan Umum Pelajaran (BUP) yang telah diwujudkan sejak tahun 1994 lagi. Beberapa penambahbaikan telah dibuat dan mendapat kelulusan oleh Pengurusan Tertinggi bagi pelaksanaan SPZAS ini.

Keutamaan sumbangan ini adalah kepada golongan berpendapatan pertengahan dengan menggunakan kaedah pengiraan Haddul Kifayah yang lebih adil dan menyeluruh.

**PERMOHONAN :**

Permohonan hanya melalui atas talian sahaja dengan melayari dengan melayari laman web Lembaga Zakat Selangor (LZS) di [www.zakatselangor.com.my/spzas](http://www.zakatselangor.com.my/spzas) dan seterusnya ikuti langkah-langkah permohonan. Sumbangan ini adalah berbentuk sumbangan one-off sahaja.

**TEMPOH PERMOHONAN DIBUKA :**

Sumbangan ini akan diluluskan kepada permohonan yang menepati syarat bergantung kepada peruntukan sumbangan sedia ada. Permohonan dibuka bermula **16 Julai 2018 jam 12.01 am dan akan tamat pada 31 Ogos 2018 jam 11.59 pm**. Bagaimanapun **permohonan akan ditutup sekiranya telah mencapai had peruntukan** yang ditetapkan iaitu sebanyak RM6,500,000.

Sekian, harap maklum.